

**SESI PENDENGARAN AWAM  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG  
MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG  
SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019  
BILIK GERAKAN, TINGKAT 17, WISMA DARUL IMAN  
KUALA TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN**

**SABTU, 16 NOVEMBER 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Dr. Su Keong Siong [Kampar]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]
YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]
YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]
YB. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]
YB. Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]

**URUS SETIA**

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]  
Encik Shaharzad bin Yusof [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Perundangan dan Prosiding (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]  
Encik Wan Ahmad Syazwan bin Wan Ismail [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Pengurusan Kamar Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]  
Puan Wan Noor Zaleha binti Wan Hassan [Pegawai Penyelidik Seksyen Antarabangsa dan Keselamatan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]  
Cik Aiza binti Ali Raman [Penasihat Undang-undang II (Pejabat Penasihat Undang-undang), Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)**  
Encik Mohd Abd Shukor bin Yong [Pegawai Undang-undang]

**Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)**  
Puan Kalai Vani a/p Annadorai [Penasihat Undang-undang]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA (samb/-)**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

YBhg. SAC Dato' Mohd Azman bin Ahmad Sapri [Ketua Urusetia KPN (Perundangan)]

**Kementerian Dalam Negeri (KDN)**

Puan Shamzarina binti Abdul Razak [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Keselamatan]

**Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU)**

YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari [Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan)]

**Pejabat Penasihat Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

YBhg. Datuk Almalena Sharmila binti Dato' Dr. Johan [Penasihat Undang-undang]

**Jabatan Peguam Negara (AGC)**

Puan Nurhafiza binti Marsidi [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen]

**Malaysia Reform Initiative (MARI)**

Encik Kevin Deveaux [Deveaux International Governance Consultants Inc.]

Puan Syahidah Husna binti Mohd Bakeri [Terengganu Strategic and Integrity Institute]

**PEMBENTANG**

**Persatuan Pegawai Kanan Polis (Bahagian A) Zon Pantai Timur**

SAC Dato' Allaudeen bin Abd Majid [Timbalan Ketua Polis Terengganu]

SAC Dato' Othman bin Nanyan [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Pahang]

ACP Dato' Haji Mohd Khalid Ismail [Ketua Cawangan Khas Pahang]

ACP Mit a/l Emong [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kelantan]

ACP Abd Rahim bin Daud [Ketua Polis Daerah Kota Bharu]

ACP Mohamad Noor bin Yusof Ali [Ketua Polis Daerah Kuantan]

ACP Mat Zake bin Jusoh [Ketua Cawangan Khas Terengganu]

ACP Abd Rahim bin Md Din [Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu]

ACP Razmi bin Haji Mohd Gunnos [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Terengganu]

ACP Wan Khairuddin bin Wan Idris [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Kelantan]

SUPT Lam Thiam Huat [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Pahang]

samb/-

**PEMBENTANG (samb/-)**

**Persatuan Pegawai Kanan Polis (Bahagian B) IPK Terengganu**

INSP Mohd Ridzuan bin Mamat [Pengerusi Persatuan Pegawai Kanan (Bahagian B) IPK Terengganu]

**Persatuan Pegawai Pangkat Rendah Polis Terengganu**

S.M Mat Ali bin Mat Daling [IPK Terengganu]

**Individu**

YBhg. Dato' Kamaruddin Mat Desa [Pesara polis]

**PEMERHATI**

**– Rujuk Lampiran A –**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **SESI PENDENGARAN AWAM MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA**

**Sabtu, 16 November 2019**

**Bilik Gerakan, Tingkat 17, Wisma Darul Iman  
Kuala Terengganu, Terengganu  
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.23 pagi**

*[Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** Selamat pagi kepada semua tuan-tuan dan puan-puan yang hadir untuk sesi bersama dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang. Ini adalah sesi yang terakhir kami di pantai timur. Kita telah pun mengadakan sesi-sesi sebelum ini di tempat-tempat lain, di Penang, Sarawak, Sabah, Johor. Jadi, kesemua pelosok negara telah pun kita cover. Saya merasa gembira untuk lihat ramai. Ini adalah sesi di mana pesertanya adalah yang paling ramai. So, *thank you for that*. Terima kasih kerana datang dan sudi menyertai dalam perbincangan yang cukup penting ini. Tujuan perbincangan ini adalah untuk mendapat *feedback*. Saya adalah pengurus jawatankuasa tersebut dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh. Bersama dengan saya, Datuk Roosme Hamzah iaitu Setiausaha Dewan Rakyat, juga Yang Berhormat Kampar iaitu Dr. Su Keong Siong dan ahli-ahli lain di dalam *select committee* ini.

Jadi, tujuan kita—*just* untuk memberi latar belakang sebelum kita bermula. Tujuan sesi-sesi ini adalah untuk mendapat maklumat dan *feedback*. Tidak kira kalau bantah atau sokong, kita hendak *gather all possible feedback* dan tujuannya adalah untuk kita menyediakan satu laporan yang perlu disediakan pada atau sebelum 25 November iaitu lebih kurang seminggu dari sekarang.

So, saya difahamkan bahawa hari ini terdapat empat kumpulan dari pihak polis dan... *[Disampuk]* Tiga, dan satu individu. Tiga kumpulan dari pihak polis dan juga seorang individu. Jadi, saya bercadang bahawa kita bermula dengan kumpulan pertama iaitu Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian A yang diwakili oleh, saya difahamkan 11 penghujah dari kumpulan tersebut. Kumpulan kedua, Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian B, juga akan diwakili oleh beberapa penghujah. Ketiga, Persatuan Pegawai Pangkat Rendah Polis (PPRPD) yang diwakili oleh S.M Mat Ali bin Mat Daling. Juga, ada penghujah-penghujah lain.

Tiada had untuk nombor penghujah. Kalau ada apa yang hendak dibentangkan, *please feel free to do so*. Akan tetapi sebelum bermula dengan penghujahan tuan-tuan dan puan-puan, *please*— Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, semua ini adalah direkodkan di dalam *Hansard* Parlimen. Ini adalah seperti satu persidangan Parlimen di mana apa yang dikatakan, semuanya akan direkodkan dan dijadikan sebahagian daripada *Hansard*. So sebelum bermula, kita perlu menekan butang mikrofon dan juga memperkenalkan diri, nama, dari mana dan boleh mulakan dengan penghujahan.

Jadi tanpa melengahkan masa, saya menjemput SAC Dato' Allaudeen bin Abd Majid dari kumpulan pertama iaitu Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian A. Silakan.

**SAC Dato' Allaudeen bin Abd Majid [Timbalan Ketua Polis Terengganu]:** Terima kasih...

**Tuan Pengerusi:** Boleh duduk.

**SAC Dato' Allaudeen bin Abd Majid:** *Thank you Yang Berhormat. But I prefer to stand.*

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**SAC Dato' Allaudeen bin Abd Majid:** *I prefer to stand.*

**Tuan Pengerusi:** Okay, very well.

**SAC Dato' Allaudeen bin Abd Majid:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa]* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang, Yang Berhormat dan ahli-ahli panel Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang. Saya Senior Assistant Commissioner Dato' Allaudeen bin Abd Majid, Timbalan Ketua Polis Terengganu, juga mengetuai ketiga-tiga delegasi daripada Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian A, Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian B dan juga Persatuan Pegawai Rendah Polis pada pagi ini. Saya mewakili keseluruhan ketiga-tiga kontinjen polis di pantai timur iaitu kontinjen Terengganu, Pahang dan Kelantan, juga Pasukan Gerakan Am Briged Tenggara yang beribu pejabat di Kuantan dan juga terletak di Terengganu dan juga di Kelantan, Pasukan Simpanan Persekutuan dan juga Pasukan Polis Marin yang ketiga-tiganya berada di pantai timur. Bersama-sama saya adalah seramai 12 orang rakan pada pagi ini dan kita membawa suara hati seramai 15,000 orang pegawai dan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia di pantai timur.

Yang Berhormat *Chairman, on record* kita juga suka menyatakan bahawa menyampaikan penghargaan kami PDRM pantai timur kerana pihak Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang telah pun berkunjung ke pantai timur untuk mendengar pandangan dan pendapat warga PDRM di pantai timur ini yang pada mulanya tidak disenaraikan. So, *thank you very much* Yang Berhormat *Members of the Select Committee*.

Saya akan memulakan penghujahan saya Tuan Pengurus dan seterusnya saya akan serahkan kepada rakan-rakan saya. *Allow me to begin* Yang Berhormat Chairman. Izinkan saya membawa perhatian sidang ini kepada fasal 31 di dalam rang undang-undang iaitu *disciplinary authority*. Kita akur bahawa Perkara 140— proviso kepada Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Parlimen boleh membuat apa-apa undang-undang berkaitan dengan tata tertib. Apabila undang-undang tersebut dibuat, maka Suruhanjaya Pasukan Polis tidak lagi akan menjalankan tugas-tugas tersebut. Kita juga akur bahawa proviso kepada Perkara 140 ini menyatakan, jika ada undang-undang ini tidaklah menjadi tidak sah walaupun ia bercanggah dengan apa-apa peruntukan di dalam Bahagian X iaitu perkhidmatan awam.

### ■1030

Kita akur kepada fakta ini dan kita akur bahawa undang-undang ini dibuat adalah sah dan tidak melanggar Perlembagaan *as far as it is concern with Part X of the Federal Constitution*. Kita akur pada perkara tersebut dan kita tiada halangan. Walau bagaimanapun, pada pagi ini kita membawa satu penghujahan baharu bahawa tindakan untuk mengalihkan kuasa budi bicara tata tertib ini daripada Suruhanjaya Pasukan Polis kepada satu pihak lain adalah bercanggah dengan jantung ataupun perkara utama di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri iaitu *Fundamental Liberties* yang terletak di bawah Perkara 5 hingga 13 Perlembagaan Persekutuan, khususnya Perkara 8 iaitu berkaitan dengan *equality* ataupun kesamarataan.

Apabila kuasa membuang kerja ataupun bidang kuasa tata tertib dipindahkan daripada pihak Suruhanjaya Pasukan Polis kepada satu suruhanjaya yang lain, maka berlaku satu keadaan di mana ketidaksamarataan ataupun *equality* di kalangan pegawai-pegawai awam yang terletak di bawah Perkara 132. Di bawah Bahagian X juga terdapat beberapa perkhidmatan—suruhanjaya perkhidmatan yang lain di mana *all the powers to hire and fire it vested within that particular commission. None of the powers to hire and to fire have been devoured, have been disposed of to any other authority that vested in that particular service commission.*

Walau bagaimanapun, dalam keadaan perkhidmatan pasukan polis apabila kuasa untuk melantik kekal dengan Suruhanjaya Pasukan Polis, walhal kuasa untuk membuang ataupun bidang kuasa tata tertib dialihkan kepada satu pihak berkuasa lain, maka kita berpendirian bahawa perkara ini adalah bercanggah dengan Perkara 8 di mana pegawai-pegawai awam yang terletak di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan dilayan secara tidak adil dan tidak saksama.

Saya ingin bawa perhatian majlis ini kepada Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Tiada satu pun proviso di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan *which made an exception for unequal treatment for the civil service*. Tiada. Di bawah Perkara 8 terdapat beberapa perkara,

beberapa pengecualian yang membolehkan keadaan diskriminasi tetapi tidak ada satu pun perkara yang mengizinkan diskriminasi *as far as perkhidmatan awam is concerned*. Oleh yang demikian, kita berpendirian bahawa walaupun mengalihkan bidang kuasa tata tertib ini kepada satu pihak lain adalah sah di bawah Perkara 140 dan Bahagian X tetapi ia tetap melanggar *Fundamental Liberties* di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan iaitu hak kesamarataan. Kita juga perlu ingat bahawa ia melibatkan *livelihood* dan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan telah pun menjelaskan dan telah pun dipersetujui oleh pihak mahkamah bahawa *livelihood* itu termasuk di bawah ruang lingkup Perkara 5 iaitu *right to life*. Itu adalah pendirian pihak PDRM mengenai bidang kuasa tata tertib yang telah dialihkan.

Saya juga ingin membawa perhatian majlis ini kepada klaus 31(4) iaitu bidang kuasa tata tertib kepada Ketua Polis Negara. Kalau kita kaji Perkara 140, kita lihat Ketua Polis Negara adalah merupakan satu jawatan khas iaitu *a special post to be appointed by the YDPA*. *It is very clear and crystal in that particular provision. If we go through the land and bread of the Bahagian X Perkhidmatan Awam, tiada satu pun lantikan sedemikian, a special post in any of the police commission sama ada perkhidmatan pendidikan, sama ada perkhidmatan undang-undang, sama ada the general civil service, there is no provision of a special post unlike the appointment of the IGP under 140 of the Federal Constitution.*

*What does this mean, special post? Special post simply means the position of the IGP. The post of the IGP has— the Constitution has always— intention of Constitution has always been to place it in the different category as oppose to the general civil service.* Oleh yang demikian, kita berpandangan dan berpendirian bahawa Perlembagaan daripada awalnya telah menetapkan bahawa jawatan ataupun *post*, dengan termaktubnya perkataan *special post*. Ia membezakan dia daripada keseluruhan pegawai perkhidmatan awam yang lain *that it was never the intention of the Constitution to bring the post of the IGP before and ordinary disciplinary board comprising of any other officers.*

*So, we really treat the point that it is highly improper to bring the post of the IGP before a general disciplinary board. It was never the intention of the Constitution. The power to appoint the IGP vest in the YDPA and we hold the position that the power to fire also vest to the YDPA. So, the position of the YDPA is very clear within Article 140 of the Federal Constitution. So, we maintain that position Mr. Chairman.*

*Allow me to move all further to the draft bill. Basically to clause 33, punishment for misconduct. We are taking the position that this is a **sore thumb in the rough**. This provision shouldn't even exist in the parent act because hukuman tata tertib is a consequential effect of the disciplinary process. If we look at the General Orders, Regulation 38, circulate all the punishment.*

*In fact, the whole fact of punishment here is actually taken from regulation 38 of the General Orders. This provision should vest together with the disciplinary process in the regulation which is weighs later under this act. It shouldn't vest in the parent act. It is a consequent of the disciplinary proceeding. It is cannot exist on its own.*

*The second point which we like to read threat is, there is no definition or the mechanism how do you, how do we want to implement this punishment or featured emolument. We want to know how much, to what extent, deferment of salaries movement, how it is done, how many taxes, how long, to what extend it is going to be applicable. Reduction in salary, there is no definition, how all this case going to be done. So we are out of the provision that clause 33 should be taken out of this and if the regulation is going to be read later, it is should read with the disciplinary regulation as a final disposable outcome of that disciplinary proceeding which is consequential to that disciplinary proceeding. So that is the position we take as far as clause 33 is concern.*

*Mr. Chairman, allow me to bring the intention of the quality— next to Part VIII clause 36, surcharge. We wonder why this provision of surcharge even exist in this draft. If you read the preamble of the draft, it really state the act to provide for the establishment of the Independent Police Complaints and Misconduct Commission and to provide for its functions and powers, matters relating to complaints of misconduct. So, the keyword here is misconduct. Now, what is the outcome of the surcharge? Outcome of the surcharge is not of an outcome of the misconduct. The outcome of misconduct is the disciplinary punishment.*

*Surcharge is actually an administrative procedure which vest very clearly with the Police Force Commission. While the Article 140(4) allows disciplinary powers to be transferred, it does not allow any administrative function to be transferred to any other body. As far as surcharge is concern, there are three important legislation there. Firstly, the Police Act, secondly is the Financial Procedure Act, thirdly is the Federal Constitution. The Financial Procedure Act very clearly state that in position of surcharge is to be determine by the respective service commission. In our respect is the Police Force Commission.*

*So, there is no way that this commission can use the powers of another authority. So, it given— this is actually the red herring in this draft. It shouldn't even exist here. All the final outcome of the surcharge is merely to recover losses due to the various incidences. With that, we take the position that clause 33 is questionable as far as the Constitution is concern. Clause 33 should not even be in the draft and clause 36 is a red herring in the draft. Thank you Mr. Chairman and I hand it over to my next counterpart. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** *Thank you. Now, I think we can invite Dato' Othman bin Nanyan, OCCI Pahang.*

**Dato' Othman bin Nanyan [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Pahang]:**

*Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Pengerusi IPCMC kita pada pagi ini, barisan-barisan yang berada di sebelah sana. Saya adalah SAC Dato' Othman bin Nanyan. Jawatan sekarang Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pahang, juga sebagai Pengerusi PKPA Negeri Pahang.

**■1030**

Apa yang saya ingin bangkitkan di sini Yang Berhormat, izinkan saya merujuk kepada Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 yang mempunyai 60 fasal ini. Kalau kita tengok tumpuan kajian dan *argument* saya adalah kepada bahagian empat iaitu aduan salah laku dengan merujuk kepada fasal 23, 24, 25 berkenaan dengan Jawatankuasa Aduan. Aduan terhadap polis dan pengelasan aduan iaitu *classification* maklumat-maklumat yang diterima.

Kedua, saya ingin menarik perhatian kepada bahagian lima iaitu fasal 26 hingga 30 berkenaan dengan kuasa siasatan dan bahagian enam iaitu prosiding menangani salah laku yang melibatkan fasal 31, 32 dan 33 serta bahagian lapan. Fasal 45 iaitu permulaan dan perjalanan pendakwaan. Kalau kita lihat dari fasal-fasal yang dinyatakan di atas, pertama, aduan salah laku; kedua, kuasa penyiasatan; ketiga, prosiding salah laku dan hukuman serta proses pendakwaan. Ia merupakan kitaran yang lengkap dalam siri mana-mana penyiasatan termasuk dalam proses undang-undang biasa yang diamalkan di kebanyakan undang-undang termasuk di negara kita sendiri.

Akan tetapi *argument* saya di sini adalah tentang fungsi ini keseluruhannya diambil peranan 100 peratus oleh sebuah badan sahaja yang kita kenali sebagai Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC), *100 percent*. Apa yang ingin kita ketengahkan di sini apabila keadaan ini berlaku dalam proses undang-undang lain khususnya bagi kita Polis Diraja Malaysia yang menjalankan siasatan dengan menggunakan pakai undang-undang sedia ada terma sebegini tidak pernah kita nikmati, tidak pernah kita praktis di mana kuasa yang ada bermula daripada menerima aduan, pengelasan aduan, kuasa siasatan, prosiding tertentu, pendakwaan malah hukuman. *Complete* satu skop.

Jadi, persoalannya adakah ini satu proses yang adil, boleh diterima pakai untuk dikenakan ke atas sejumlah 130,000 ahli pasukan polis yang selama ini menggunakan prinsip keadilan dalam kita menjalankan tugas siasatan terutama bagi kes-kes yang mana hanya kuasa siasatan sahaja ada manakala kuasa pendakwaan berada di pihak yang lain, lebih-lebih lagi kuasa menjatuhkan hukuman berada di pihak yang lain.

Dalam konteks ini, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi tentang doktrin prinsip pengasingan kuasa atau *separation of powers* yang menjadi teras utama dan terpenting dalam sistem amalan demokrasi di negara kita. Sekiranya Tuan Pengerusi sedia maklum bahawa model pengasingan kuasa ini terpakai dan diguna pakai dalam konteks negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi. Pertama, keahlian sesuatu prosiding atau *membership* itu mestilah berasingan. Kedua, kuasa, fungsi yang diguna pakai dan ketiga, *institutional* ataupun *institutional separation*.

Sebagaimana juga Yang Berhormat sedia maklum, objektif pengasingan kuasa ini berlaku dan ditentukan berlaku supaya tidak ada apa yang dikatakan penumpuan kuasa. Ini kerana penumpuan kuasa akan mendedahkan penyalahgunaan kuasa. Ia juga akan mengelak ataupun menghindari bahaya dan dapat mengelakkan atau menghindarkan menjadi sesuatu yang tidak adil berlaku di sana. Di mana dikatakan doktrin pengasingan kuasa ini adalah fungsi yang dapat mewujudkan sesuatu sistem perundangan yang lengkap, kebebasan sebenar dapat dinikmati dan menghindari kemaharajaleaan. Okey, itu prinsip yang ada dalam doktrin pengasingan kuasa.

Satu lagi untuk merealisasikan sistem semak dan imbang bagi setiap cabang kuasa yang ada di negara kita. Untuk menjamin kebebasan dan hak individu kerana penumpuan kuasa boleh menjadi ancaman kepada kebebasan individu. Dalam konteks ini yang menjadi mangsa adalah pasukan Polis Diraja Malaysia itu sendiri dan juga ahli-ahli pasukan yang ada.

Rumusannya Yang Berhormat, saya pohon mencadangkan bahawa rang undang-undang ini perlu dikaji semula, disemak khususnya dalam konteks apa yang dipanggil penumpuan kuasa ini kerana ia akan menafikan keadilan dan bercanggah dengan amalan undang-undang yang sedia ada. IPCMC boleh mengambil peranan menerima aduan, memproses maklumat yang ada dan menjalankan siasatan tetapi tidaklah sehingga menjalankan pendakwaan dan juga menjatuhkan hukuman. Berilah peranan ini kepada badan-badan lain atau pihak berkuasa lain untuk menentukan proses pendakwaan dan ini akan menjamin satu sistem keadilan yang dapat diterima oleh semua pihak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sekarang kita memanggil penghujah ketiga iaitu ACP Dato' Haji Mohd Khalid Ismail, KCK Pahang. Silakan.

**ACP Dato' Haji Mohd Khalid Ismail [Ketua Cawangan Khas Pahang]:**  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi Select Committee IPCMC, Yang Berhormat, Dato' dan tuan-tuan yang saya kasihi sekalian. Saya ingin membawa satu perkara yang saya anggap baru dalam isu IPCMC ini. kita telah membincangkan secara keseluruhan mengenai Rang Undang-undang IPCMC ini adalah

untuk menunjukkan bahawa penubuhan fungsi kuasa dan tatacara yang ada di dalam rang undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, kami berpendapat bahawa wujud kekurangan dalam rang undang-undang ini. Pertama, saya merasakan bahawa tidak ada satu peruntukan di dalam rang undang-undang ini yang membincangkan mengenai *Bill of Rights*. Walaupun kita melihat bahawa dalam beberapa klausa yang dicadangkan ada menyentuh beberapa *rights* terutama sekali dalam klausa 26(2)(d), kita merasakan bahawa klausa-klausa tersebut sebenarnya menafikan hak kita untuk bersuara ataupun hak-hak yang telah dinyatakan di dalam Artikel 5 hingga 13, *Federal Constitution*.

Saya ingin juga membawa pengetahuan Tuan Pengurus bahawa dalam *IPCMC Bill* ini, kita jelas bahawa peruntukan bagi pegawai dan anggota yang dituduh melakukan kesalahan. Walau bagaimanapun, hak-hak untuk pegawai dan anggota ini menyuarakan atau mempertahankan diri adalah tidak jelas dinyatakan.

Berdasarkan peruntukan Perlembagaan dalam Artikel 5 hingga 13 kita mempunyai hak-hak kebebasan ataupun *natural justice*. Malah Artikel 140(1) menyatakan bahawa *Police Force Commission* sebenarnya dijelaskan sebagai di mana, “*and no provision of such law shall be invalid on the ground of inconsistency with any provision of this part.*” *A law must not contravene the rule of natural justice.*

Kami berpendapat bahawa di dalam *IPCMC* ini tidak dinyatakan secara jelas bagaimana kami hendak mempertahankan diri jika kami dikenakan sebarang tindakan salah laku. Malah kita sedia maklum bahawa *the rule of natural justice purely stated in the case of Ong Ah Chuan against PP [1981] 1 MLJ 64. Law people decided in any Constitution based on the Westminster model, any reference made to law especially in the content of guarantees of fundamental liberties must*

#### ■1050

*In others words, law which does not fault the rules of natural justice. A law must not contravene the rules of natural justice.* Oleh sebab itu, kami semua berpendapat bahawa hak-hak untuk didengar, hak-hak untuk mendapatkan *defense counsel*, hak-hak untuk mempertahankan diri perlu ada dan perlu dinyatakan di dalam *Bill of Rights*. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa *discussions on rules of natural justice in the IPCMC Bill must be respect the rules of natural justice. Therefore, it is just the recommended that the IPCMC Bill be attached with the Police Bill of Rights. For example, rights to be heard.*

Yang Berhormat, bolehlah saya minta bantuan daripada *lawyers* di luar yang boleh membantu saya dalam melaksanakan keadilan ke atas setiap pegawai dan anggota polis yang

dituduh melakukan salah laku. Ini saya rasa sesuatu yang perlu diberi perhatian supaya pegawai dan anggota tidak teraniaya apabila berhadapan dalam IPCMC yang akan kita laksanakan kemudian. Saya rasa itu sahaja untuk pandangan, mungkin ada perkara-perkara yang berbangkit akan diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih tuan. Sekarang saya panggil ACP Mit a/l Emong, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik *is it*, di Kelantan?

**ACP Mit a/l Emong [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kelantan, Persatuan Pegawai Kanan Polis (Bahagian A) Zon Pantai Timur]:** Ya. Salam sejahtera Yang Berhormat, Datuk, tuan-tuan dan puan-puan. Saya ACP Mit a/l Emong, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik. Pada kali ini, saya akan minta dibincangkan tentang penubuhan *taskforce*, di mana di bawah seksyen 29(3), yang mana, “*Bagi maksud menyiasat apa-apa insiden di bawah seksyen 47, anggota Pasukan Petugas hendaklah mempunyai semua kuasa penyiasatan sebagaimana yang terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]...*”. Jadi, ada beberapa isu yang saya ingin timbulkan supaya *select committee* boleh bincangkan kerisauan kita semasa menjalankan tugas di bawah. Pertama, siasatan kes kematian dalam lokap yang mana seperti mana yang seksyen 47 yang minta pegawai polis maklumkan kepada IPCMC. Untuk siasatan kes dalam lokap, pihak yang selama ini ikut Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) dalam seksyen 334, pihak polis dalam siasatan maklum kepada majistret atau *coroner*. Kemudian, di bawah seksyen 330, kena adakan *post-mortem*. Seksyen 329, kuasa yang mana diberi kepada AIO, sekurang-kurangnya pangkat Sarjan untuk menjalankan siasatan. Dalam perkara ini, tindakan kita adalah di bawah acara jenayah dan telah dijalankan selama ini. Untuk IPCMC, penubuhannya adalah untuk salah laku pasukan polis. IPCMC bukannya untuk jalankan siasatan jenayah. Okey, yang pertama.

Isu yang kedua ialah tentang beban kerja. Bila seseorang pegawai penyiasat jalankan siasatan bawah kes mati dalam lokap, mereka kena sediakan, siapkan laporan siasatan, maklum kepada majistret. Kemudian, kena berhadapan dengan SUHAKAM. Kemudian bila ada IPCMC, terpaksa pula berdepan dengan IPCMC. Jadi, ini akan memberi beban atau tekanan kepada pegawai-pegawai polis yang menjalankan siasatan di bawah kes-kes mati dalam lokap ini.

Ketiga, peraturan yang sedia ada sebelum IPCMC ini, kita jalankan yang mana kalau melibatkan kecuaian orang mati dalam pemerhatian, pihak keluarga mereka boleh buat tuntutan ganti rugi atau apa-apalah. Bila tahanan itu tetapi mati oleh sebab perbuatan jenayah, si pelaku kita akan tuduh di mahkamah. Jadi, benda-benda ini telah berjalan.

Isu keempat ialah penambahbaikan lokap yang mana setiap tahanan yang ditahan, dia akan dibawa ke dalam lokap dan tahanan itu di bawah *lock-up rules*, di mana pihak OCPD, pihak OCS akan *check* dahulu sebelum OKT dimasukkan dalam lokap. Jadi, saya cadangkanlah untuk

memantau supaya keadaan tidak diingini berlaku, diminta semua lokap polis ini dipasang CCTV dan CCTV ini kena ada *maintenance*. Kalau tidak, *one-off* sahaja, CCTV ada tetapi kemudian hendak *maintain* tidak ada. Jadi, saya cadangkan supaya benda ini adakan peruntukan untuk setiap balai yang ada lokap dipasang CCTV.

Isu kelima ialah penubuhan *taskforce* ini tidak berapa jelas lagi. Ini kerana saya sebagai Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, hari-hari pegawai-pegawai saya akan jalankan operasi dan bila ada tangkapan, biasanya kalau adapun yang mati dalam lokap itu, puncanya kecuaian ataupun sakit. Bila sakit, masa tangkapan kita tidak tahu pesalah ini sakit sebab bila sudah dalam lokap, sekiranya didapati mati dan pihak kami juga dikenakan *inquiry* ataupun dipersalahkan. Jadi, ini memberi tekanan kepada kami semasa menjalankan tugas di lapangan. Jadi, saya mohon supaya pihak komiti ini supaya untuk *start* IPCMC ini, tahap mana sebelum dijalankan siasatan? Jadi, inilah keimbangan-keimbangan yang pihak kami yang bekerja di lapangan ini jangkakan bila IPCMC ini ditubuhkan. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sekarang saya menjemput ACP Abd Rahim bin Daud, OCPD Kota Bharu.

**ACP Abd Rahim bin Daud [Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Persatuan Pegawai Kanan Polis (Bahagian A) Zon Pantai Timur]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk dan tuan-tuan. Saya ACP Abd Rahim bin Daud, bertugas sebagai Ketua Polis Daerah Kota Bharu. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk dan tuan-tuan, saya telah lebih 30 tahun berkhidmat dalam pasukan polis dan kini telah sampai ke garisan penghujung dalam perkhidmatan, untuk makluman. Untuk pagi ini, saya melihat satu fasal ataupun seksyen yang terdapat di dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 iaitu di Bahagian IV, aduan salah laku.

## ■1100

Fasal 22(2) yang akan diadakan pindaan dan fasal 22(2) ini berkait dengan seksyen 22(1). Izinkan saya menyentuh sedikit. “*Suruhanjaya boleh menerima aduan, atau menguruskan aduan terhadap mana-mana anggota pasukan polis yang dirujuk kepadanya, mengenai salah laku yang berikut.*” digariskan (a) sehingga (f). Cadangan pindaan 22(2) adalah suruhanjaya boleh menerima aduan atau menguruskan aduan terhadap mana-mana anggota polis yang dirujuk kepadanya mengenai salah laku yang berikut yang dipinda dari perkataan apa-apa tata keluaran yang jatuh yang menyebabkan perihalan yang berikut adalah terjumlah kepada salah laku yang menggantikan subfasal (2) dengan Perdana Menteri boleh atas nasihat suruhanjaya melalui

perintah yang disiarkan di dalam warta, meletakkan apa-apa tata kelakuan yang boleh dikategorikan sebagai salah laku kecil.

Apa yang ingin saya nyatakan dan rasa keliru di sini, berkait dengan pindaan ini, saya merasa hairan kenapa 22(2) ini diadakan pindaan. Kerana saya mendapati bahawa tiada sebarang perincian atau garis panduan yang jelas yang dimasukkan di sini. Apa dia kesalahan-kesalahan kecil yang bakal diambil tindakan ke atas pegawai dan anggota polis. Tidak ada. Tidak ada dinyatakan sama sekali di dalam pindaan berkenaan atau di dalam fasal 22(1) pun tidak ada.

Selain itu, saya juga melihat bahawa fasal 22(2) yang asalnya sebelum dicadangkan pindaan, telah lengkap di mana turut telah, tidak mengetepikan kuasa yang ada kepada Ketua Polis Negara di bawah seksyen 97, Akta Polis. Di mana telah digariskan bahawa Ketua Polis Negara boleh mengeluarkan perintah pentadbiran, bernama ‘Perintah Tetap’ iaitu IGSO. Ia telah dinamakan IGSO itu— Ketua Polis Negara telah meletakkan bahawa di Bahagian A 110 – Bahagian Disiplin telah ada digariskan apa dia salah laku-salah laku yang boleh diambil tindakan tatatertib oleh pihak berkuasa disiplin polis. Itu yang pertama.

Kedua, saya lihat apabila pindaan ini diluluskan, secara automatik ia telah menidakkannya kuasa Ketua Polis Negara itu sendiri sebagaimana telah digariskan di bawah seksyen 97. Ia bertentangan dengan seksyen 97 Akta Polis yang memberi kuasa kepada Ketua Polis Negara, yang mana kuasa ini telah dipindahkan kepada pihak suruhanjaya itu sendiri yang boleh memberi nasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meletakkan apa-apa kesalahan-kesalahan kecil yang boleh diambil tindakan ke atas pegawai dan anggota polis. Ini merupakan satu ketidakadilan yang boleh berlaku di situ kepada pegawai dan anggota polis, yang mungkin ada melakukan kesalahan-kesalahan kecil.

Yang kedua, saya melihat bahawa, pasukan polis kita telah ada iaitu Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) yang selama ini telah berjaya bagi saya, mengawal selia salah laku pasukan polis bagi pihak Ketua Polis Negara. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga tuan-tuan, bahawa JIPS ini jika sekiranya datang ke daerah-daerah ataupun di kontinen-kontinen memang ia tidak akan balik dengan tangan kosong. Itu yang saya boleh nyatakan di sini. Memang ada salah laku yang paling kecil atau besar yang akan diambil tindakan ke atas pegawai dan anggota polis. Mereka tidak berkompromi.

Jadi disebabkan itu, tidak perlulah, bagi saya, pindaan ini dibuat dan ada lagi badan lain yang boleh mengatasi pihak JIPS itu sendiri. Sudah cukup memadai dengan apa peranan yang telah dimainkan pihak JIPS selama ini. Selama 30 tahun lebih saya di dalam perkhidmatan polis, memang pihak JIPS ini memainkan peranan yang amat berkesan dalam mengawal selia salah laku pegawai dan anggota polis.

Saya juga mencadangkan fasal 22(2) ini mungkin boleh ditambah baik sedikit dengan memasukkan bahawa Pihak Berkuasa Tatatertib Pasukan Polis Diraja Malaysia boleh mengemukakan syor ataupun dapatan-dapatan hasil siasatan kepada pihak suruhanjaya untuk mendapatkan persetujuan dan sebagainya. Sekiranya pihak suruhanjaya tidak bersetuju dengan hasil dapatan siasatan ataupun syor tindakan yang perlu diambil yang dikemukakan oleh pihak berkuasa Polis Diraja Malaysia, boleh menyuarakan supaya siasatan lanjut dijalankan ataupun mengesyorkan hukuman-hukuman yang difikirkan sesuai oleh pihak suruhanjaya. So, tidak perlu ada pindaan kepada seksyen 22(2) kerana ia agak mengelirukan bagi saya. Mengelirukan sama sekali.

Saya juga ingin menegaskan di sini kepada Tuan Pengerusi dan juga Datuk, tuan-tuan bahawa fasal 22(2) yang asal perlu dikekalkan tanpa sebarang pindaan kerana ia melibatkan satu ketidakadilan akan berlaku di situ. Ini kerana tiadanya kesalahan-kesalahan kecil yang diperincikan sedangkan di dalam IGSO ataupun *command* tetap Ketua Polis Negara A 110 tidak menulis, di muka satu pun telah ada kesalahan-kesalahan dinyatakan di situ sebagai ingkar perintah dan sebagainya. So tidak perlu lagi adanya pindaan-pindaan yang berikutnya. Itu sahaja daripada saya, terima kasih sekali lagi kepada Tuan Pengerusi dan juga Dato', Datuk dan tuan-tuan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. *Just* untuk makluman para penghujah bahawa kami akan mendengar dahulu pandangan-pandangan. Selepas itu kami akan membuat sesi soal jawab, *questions and answers* lah. So, we will take the views first and the feedback. Satu persatu lah. So, sekarang saya menjemput ACP Mohamad Noor bin Yusof Ali, OCPD Kuantan untuk memberi penghujahan.

**ACP Mohamad Noor bin Yusof Ali [Ketua Polis Daerah Kuantan]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi. Saya ACP Mohamad Noor bin Yusof Ali, sekarang ini memegang jawatan sebagai Ketua Polis Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur. Barisan Jawatankuasa Pendengaran Awam berkaitan IPCMC, Tuan Pengerusi dan juga Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan. Juga tidak lupa kepada barisan PDRM serta yang ada di Dewan ini.

Beberapa penghujah telah menyampaikan hujahan dan banyaknya berdasarkan kepada seksyen peruntukan undang-undang. Saya telah diberikan ataupun dipertanggungjawabkan dan mengambil tanggungjawab ini berkaitan dengan usul memperkasakan PDRM ini. Mungkin percakapan saya ini dilihat dalam konteks yang semua orang tahu tetapi saya minta supaya dengan diberi peluang pada hari ini— satu sejarah pada saya yang berkhidmat 33 tahun dalam PDRM ini dan *insya-Allah* akan diberi kekuatan untuk teruskan lagi.

Berkaitan dengan memperkasakan PDRM ini kerana saya yakin dan saya berada dalam PDRM ini— satu organisasi yang begitu tidak boleh dinafikan ia merupakan satu organisasi yang menjaga keselamatan dan keamanan negara. Daripada orang nombor satu di dalam negara ini sehingga ke peringkat *layman*, peringkat bawahan. PDRM ini telah berumur 212 tahun dan warganya seramai 130,000 telah diberi peranan dan fungsi mengikut Akta Polis 1967 seksyen 3 subseksyen (3), di mana rangkumannya adalah berkaitan dengan keselamatan, ketenteraman sama ada manusia atau harta benda.

Saya nampak bahawa sebelum berada di dalam Dewan ini telah diperkatakan tentang IPCM ini. Kita dengar daripada luar dan juga telah dibentangkan oleh pihak PDRM. Saya ingin nyatakan ada yang berkata kita bercakap ini hanya didengar sahaja tetapi mungkin tidak dipertimbangkan.

#### ■1140

Saya minta Yang Berhormat— saya ikhlas dan juga barisan, dengarlah sedikit walaupun peringkatnya adalah sebelum ini telah didengar iaitu pertamanya, sekiranya IPCMC ini dicadangkan juga, sudah tentu ia untuk warga PDRM, ia tidak pergi kepada warga lain.

Untuk makluman warga PDRM ini, saya boleh nyatakan ia peristiwa yang sangat besar yang saya rasa dalam kehidupan saya sebagai warga Malaysia ini tidak boleh lupa. Kalau ada orang lupa, ia merupakan satu warga yang tidak bertanggungjawab iaitu yang pertamanya pada tahun 1989 peletakan senjata oleh komunis. Ia atas usaha sebenar PDRM.

Keduanya adalah satu peristiwa baru tahun lepas sahaja itu tahun 2018, peralihan kuasa kerajaan sejak 61 tahun. Di mana dalam keadaan yang sangat harmoni, dalam aman damai, siapakah yang melakukan kerja ini? Sebuah agensi yang sangat besar ialah PDRM. Ini bukan untuk menuding ataupun untuk mengangkat diri sendiri tetapi saya percaya barisan yang diketuai oleh Yang Berhormat sangat bijaksana. PDRM lah merupakan sebuah organisasi yang mana digerakkan oleh warganya di seluruh peringkat sama ada siang malam, pagi petang, tanpa mengira masa bagi memastikan segala perancangan negara berjalan dengan baik.

Jadi di sini, segala kejayaan jarang diperkatakan tentang apa yang dilakukan oleh PDRM tetapi segala atau sedikit kelemahan sentiasa, setiap hari dipaparkan dan ditonjolkan. Di manakah rasa sedikit keprihatinan tentang tugas PDRM ini? Berkaitan dua insiden tadi yang saya sebutkan, sama-sama kita fikirkan.

Untuk itu, saya mencadangkan beberapa perkara berkaitan dengan memperkasakan organisasi PDRM ini ataupun yang dikatakan *enhancement of police force*. Ada beberapa perkara yang saya pecahkan kepada lima yang saya fikirkan ia wajib dilaksanakan. Pertamanya adalah berkaitan dengan *to be recognized as a special service*. Untuk makluman— saya ingat *mic* pun

sudah mula marah. Untuk makluman dengan izin, saya ingin menyatakan bahawa apabila menyebut *special* bukan kita hendak membanggakan diri sebagai PDRM tetapi telah dibuktikan dengan contohnya, kawalan keselamatan kepada Yang di-Pertuan Agong, kawalan keselamatan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Telah terbukti secara langsung atau tidak langsung kita adalah *special force* yang mempunyai perkhidmatan yang terbaik yang tidak boleh dilakukan oleh orang lain.

Jadi di sini, atas perkara-perkara ini dan termasuklah dengan kepakaran dan kemahiran dalam bentuk siasatan yang merupakan salah satu elemen terpenting dalam PDRM, kita laksanakan dengan baik. Kita diberikan banyak peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada pihak polis yang dilaksanakan oleh warganya berbanding dengan orang lain. Ada organisasi lain yang juga mempunyai kuasa tetapi dalam undang-undang tertentu sahaja. *That's why* wajar kami dikategorikan ataupun *di-recognize as a special service*. Jadi ia penting bagi memastikan dilihat semula perjawatan, dilihat semula perkara-perkara yang penting bagi memastikan, bagi memantapkan perkhidmatan kami. Itu yang pertama.

Perkara kedua adalah berkaitan dengan *enhancing investigating policing* iaitu meningkatkan kepolisan penyiasatan yang memperkasakan, meningkatkan budaya penyiasatan PDRM melalui pelbagai penambahbaikan. Ini termasuk sistem-sistem yang membantu dalam siasatan, kelengkapan dan juga sudah tentunya elaun, suasana kerja dan juga warga sumber manusia dan juga kelengkapan yang *balance* bagi memastikan budaya kepolisan penyiasatan ini dapat diperkasakan.

Izinkan saya menyatakan satu perkara kalau saya tidak menyalahi contoh ini. Berkaitan dengan apa yang kita hadapi sekarang, budaya siasatan kita di mana pegawai penyiasat kita di semua peringkat telah mengendalikan siasatan yang begitu baik. Saya mempunyai statistik contoh saya bagi dengan izin untuk betul-betul diteliti, dilihat. Contohnya berkaitan dengan siasatan kes narkotik iaitu dadah.

Bagi daerah saya sahaja, pegawai penyiasat bertungkus-lumus menyiapkan di bawah satu seksyen sahaja iaitu seksyen 15(1) iaitu cakap biasa berkaitan dengan penagih, memasukkan dadah dalam badan. Kita telah segera melakukan siasatan oleh pihak polis. Akhirnya, apabila dituduh di mahkamah, kita terpaksa bergantung dengan satu keputusan iaitu daripada jabatan luar iaitu jabatan ataupun laporan kepakaran daripada hospital. Dalam tempoh 10 bulan, 1,080 kes telah DNA. Kerana apa? Bukan kerana kesilapan pegawai-pegawai penyiasat kita yang telah bertungkus-lumus tetapi kerana menunggu laporan daripada jabatan luar.

Dengan adanya kejadian ini, 1,080 kes dalam tempoh 10 bulan. Ia memberi impak yang sangat besar. Kita lihat biasa, di mana apabila individu ini telah dibebaskan, maka sangat sukar dia hendak dikesan. Implikasinya apa? Dia mungkin akan kembali kepada perlakuan jenayah, dia memberi impak kepada siasatan terbengkalai, dia memberi impak kepada *wanted person* kerana polis telah *setup* bahawa kita mempunyai KPI-KPI tertentu. Kita kejar perkara ini untuk makluman Yang Berhormat tetapi oleh sebab bukan kelemahan kita tetapi kita bawa ini bukan hendak menunjuk kelemahan pihak yang satu lagi tetapi apabila kita semak, perlu perkara ini diperbaiki. Kenapa? Ini kerana implikasinya adalah perkara yang dikatakan polis tidak menjalankan tugas. Kerana apa? Sudah ditangkap tetapi diberi jamin dan hilang begitu sahaja. Ini merupakan perkara yang sangat tidak baik, fenomena yang sangat tidak baik kepada pihak polis.

Ketiga, *upgrade the equipment and logistic*, menaiktarafkan peralatan dan logistik. Ini saya ingat saya tidak huraikan kerana semua tahu. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengurus, perkara ini saya minta kalau ada peluang dan ruang untuk membuat semakan semula. Setiap tahun PDRM mempunyai dasar untuk memastikan bahawa yang berada di bawah ini, kami yang berada di bawah ini dalam keadaan yang terbaik.

Pemeriksaan berkala setahun dua kali dipanggil dalam konteks A117, pemeriksaan segala keseluruhan sama ada kerja kita dan juga peralatan kelengkapan. Jadi kalau boleh semaklah perkara ini kerana PDRM telah menyediakan banya kali. Banyak perkara telah diangkat, jadi saya minta supaya— kerana ada elemen IPCMC ini, semuanya hendak yang terbaik tetapi hakikatnya ia tidak disokong dengan penyediaan logistik yang sewajarnya.

Keempat, *provide better police premises and housing*. Menyediakan premis dan perumahan polis yang lebih baik. Turunlah ke bawah, kita lihat bahawa setiap hari ada tempat yang mana warga PDRM yang siang malam melakukan tugas menjaga keamanan rumah orang, keadaan premis perniagaan orang lain tetapi rumah sendiri gagal dijaga di mana ditinggalkan keluarga dalam keadaan yang tidak selesa. Jadi perkara ini perlu dilihat secara betul, bukan dilihat atas *paper* sahaja tetapi turunlah ke bawah.

Akhir sekali perkara kelima adalah berkaitan dengan untuk meningkatkan undang-undang yang ada dalam hal kepolisan. Ingin saya merangkakan secara ringkas iaitu merangka dan menambah baik perundangan yang sedia ada dalam perspektif persekitaran tugas PDRM. Mengkaji semula undang-undang yang sedia ada yang dilihat mengelirukan sebahagiannya dan meletakkan beban pada persekitaran tugas polis. So, ini yang saya nyatakan dan saya ingin memberi satu contoh dengan izin. Mohon jangan rasa marah.

Pertama, dilihat kita keliru. PDRM khususnya saya sendiri, saya mengambil tanggungjawab sebagai Ketua Polis Daerah.

**■1120**

Isu daun ketum ini, kita ditanya oleh *public* macam-macam. Kita pun tidak tahu di mana hujung pangkal. Satu peraturan ataupun percakapan yang dibuat oleh pihak atasan yang terlibat dalam membuat dasar dalam negara. Kita sangat keliru. Di manakah kedudukan sebenar? Jadi, ini sepatutnya dikaji semula dan biarlah sesuatu itu dilihat dan ditanya kepada pelaksana iaitu kamilah pelaksana. Selain daripada itu, mungkin pihak Agensi Antidadah Kebangsaan, janganlah keluar saja *statement* tetapi pelaksana ditanya macam-macam. Kita tidak boleh jawab.

Kemudian, yang kedua, *statement* yang dinyatakan, nampak kecil berkaitan dengan basikal lajak. Saya telah dibangkitkan— contoh saya ambil, contohlah di daerah Kuantan. Kerap kali peletakan penyelarasang anggota yang dalam jumlah atau bilangannya untuk menangani basikal lajak saja. Manusianya adalah berumur 13 hingga 16 tahun. PDRM atasi, bukan agensi lain tetapi tiba-tiba, dengan izin, satu, seorang individu yang mempunyai kedudukan memberi *statement*, seolah-olah membagi satu perkara galakan. Kita berada dalam persimpangan, ditanya macam-macam oleh pihak tertentu.

Jadi, inilah saya perlu kemukakan. Lima perkara saja dan rumusan daripada saya Tuan Pengerusi dan juga para barisan *Senate* yang telah terpilih, saya mohon supaya letakkanlah diri sendiri sebagai pegawai dan anggota polis. Jangan berfikir selain daripada itu kerana IPCMC sekiranya terpaksa diadakan juga, ia adalah untuk PDRM. Adakah pihak barisan *Senate* ingin mematikan PDRM? Saya rasa tentu tidak kerana PDRM ini tadi telah dinyatakan bahawa kalau PDRM *collapse*, saya tidak tahu apa jadi kepada negara kita. Itu saja Tuan Pengerusi dan juga barisan. Saya mohon maaf sekiranya ada kesilapan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sekarang saya menjemput ACP Mat Zake bin Jusoh, KCK Terengganu.

**ACP Mat Zake bin Jusoh [Ketua Cawangan Khas Terengganu]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Pengerusi, Datuk Roosme binti Hamzah, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada pagi ini. Saya hanya— untuk merujuk kepada RUU ini.

Kita pergi kepada perkara 22(1)(c) dan 22(1)(d) iaitu Bahagian IV di bawah tajuk '*Complaint of Misconduct*'. So, dalam perkara 22(1)(c) dan 22(1)(d) ini, kita terkesan ada enam perkataan yang perlu kita beri perhatian iaitu '*unreasonable*', '*unjust*', '*improperly discriminatory*', '*improper motives*', '*irrelevant grounds*' dan '*irrelevant consideration*'. So, dalam perbincangan kita bersabit dengan enam perkataan yang kita terkesan dalam perkara 22(1)(c) dan 22(1)(d) adalah satu perkataan yang terlampaui umum yang digunakan.

Perkataan ini terlampau umum, tidak ada justifikasi dan tidak ada perincian yang jelas bersabit perkara-perkara ini ataupun perkataan-perkataan ini. Ia boleh mengundang satu perkara ataupun satu persepsi iaitu perkara-perkara ini mungkin akan ditafsirkan secara berbeza mengikut individu-individu yang berbeza. Oleh sebab itulah satu kesalahan ataupun *misconduct* ataupun salah laku yang dilakukan oleh pegawai ataupun anggota PDRM.

Kesan daripada perbezaan ataupun pandangan yang berbeza ataupun interpretasi yang berbeza daripada perkataan ini mungkin memberikan kesan kepada hukuman ataupun denda atau *punishment* yang dikenakan kepada pegawai dan anggota yang terlibat dalam perkara salah laku. So, di sini kita lihat dari segi yang lebih ke bawah lagi, keadilan. Keadilan untuk mereka yang melakukan perkara-perkara ini kerana kesilapan ataupun pentafsiran kita kepada perkataan-perkataan ini berbeza mengikut individu-individu itu. Ini disebabkan ia terlalu umum yang kita tengok sini, tidak ada perincian jelas. Jadi, situasi ini saya rasa boleh— perbicaraan yang kita buat boleh mengundang kepada tafsiran dan juga definisi yang memberikan kesan kepada keadilan atau tidak memberikan keadilan atau mungkin keadilan yang diberikan itu, berbeza-berbeza.

Jadi, perkara ini dilihat satu perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak Tuan Pengerusi dan juga Ahli Yang Berhormat, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan. Walau bagaimanapun, pihak kami telah mengambil keputusan mendesak ataupun memohon kepada pihak Tuan Pengerusi supaya perkara 22(1)(c) dan 22(1)(d) ini dikeluarkan terus daripada RUU ini. So, itu saja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Tuan. Sekarang saya menjemput...

**ACP Mat Zake bin Jusoh:** Minta maaf Tuan Pengerusi. Saya ACP Mat Zake bin Jusoh, Ketua Cawangan Khas Terengganu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baik, terima kasih. Sekarang kita menjemput ACP Abd Rahim bin Md Din iaitu CPD Kuala Terengganu.

**ACP Abd Rahim bin Md Din [Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat, Datuk, Dato' dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan. Saya ACP Abd Rahim bin Md Din, Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu. Jadi, kepada Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, apa yang hendak saya utarakan atau saya *highlight*-kan ialah keimbangan di kalangan warga PDRM berkaitan dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 adalah lebih berkaitan kepada keadilan.

Jadi, saya ingin merujuk kepada fasal 6 dalam rang undang-undang ini terutamanya fasal 6(2) tentang *Members of Commission to RUU Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019*

di mana dalam fasal 6(2) adalah dinyatakan, “*Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya jika dia ialah atau pernah menjadi seorang anggota pasukan polis*”. Walaupun saya beranggapan mungkin untuk menjadikan suruhanjaya ini merupakan suruhanjaya bebas— kalau kita lihat dekat dalam dunia pun, tidak ada satu badan yang dikatakan betul-betul bebas juga. Jadi, itu saya ingin menjelaskan hujah saya supaya untuk sesuatu dilakukan bagi kita memberi keadilan kepada warga PDRM dalam mendapatkan keadilanlah. Jadi, kita menuntut supaya dilantik sekurang-kurangnya seorang pesara pegawai polis di dalam suruhanjaya ini bagi menentukan keadilan kepada warga PDRM yang merupakan subjek utama dalam undang-undang ini.

Ini disebabkan pesara polis ini adalah mereka yang pernah berkhidmat di dalam PDRM dan mereka memahami perjalanan penugasan PDRM dan juga apa permasalahan yang wujud sejak sekian lama dan mereka mempunyai pengetahuan berkaitan tugas-tugas polis dan pernah melalui susah payah— segala susah payah dan pahit getir walaupun PDRM menghadapikekangan dari aspek logistik dan juga kebajikan. Juga, dengan adanya mereka dalam dan sebagai ahli suruhanjaya ini, mereka boleh memberikan nasihat dan berkongsi pandangan dan juga berkongsi pengalaman yang pernah mereka hadapi semasa berkhidmat di dalam PDRM. Jadi, kami beranggapan dengan adanya pesara pegawai polis ini, maka ia dapat memberikan keadilan kepada warga PDRM yang disiasat.

Jadi, kalau kita lihat di dalam mana-mana badan atau majlis yang dibentuk oleh kerajaan atau mana-mana pihak, mesti ada komposisi yang seimbang seperti majikan dan juga pekerja.

#### ■1130

Diambil contoh dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, komposisi dalam majlis itu terdiri daripada majikan, pekerja, wakil kementerian dan juga orang awam. Begitu juga dalam Majlis Perunding Gaji Negara, komposisi terdiri daripada pekerja, majikan dan juga orang awam. Dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Polis sendiri pun kita lihat ada wakil PDRM dalam suruhanjaya iaitu Ketua Polis Negara. Jadi dalam konteks ini, apabila suruhanjaya ini tidak dianggotai oleh pesara polis, jadi ini dilihat bagaimana adilnya pembelaan terhadap pegawai polis yang disiasat. Jika tiada, ia berlainan. Suruhanjaya ini boleh dilihat oleh warga PDRM, ia ditubuhkan hanya untuk mencari salah dan tiada pembelaan terhadap pegawai polis yang menjadi pihak yang berkepentingan.

Pada pandangan kami, hanya polis sahaja yang tahu terhadap masalah dan tatacara kerja yang dipertanggungjawabkan kepada pegawai polis. Dengan ini, kami menuntut supaya sekurang-kurangnya seorang pesara pegawai polis mesti dilantik sebagai ahli suruhanjaya dan menuntut supaya pindaan dibuat ke atas fasal 6(2). Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baik, terima kasih. Sekarang saya menjemput ACP Razmi bin Haji Mohd Gunnos. OCCI Terengganu.

**ACP Razmi bin Haji Mohd Gunnos [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Terengganu, Persatuan Pegawai Kanan Polis (Bahagian A) Zon Pantai Timur]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi Select Committee IPCMC, Datuk, Dato' dan tuan-tuan dan puan-puan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Saya perkenalkan diri saya. Nama saya ACP Razmi bin Haji Mohd Gunnos. Jawatan saya sebagai Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Terengganu. Izinkan saya merujuk kepada *pre-amble Bill IPCMC*, dengan izin, “*impact to provide for the establishment of the Independent Police Complaints of Misconduct Commission and to provide for each functions and powers, matters relating to complaints of misconduct (salah laku), investigations of misconduct (siasatan salah laku), proceeding to deal with misconduct (prosiding berkaitan dengan salah laku), et cetera and to related matters.*” Apa yang saya ingin hujahkan pada pagi ini ialah perkataan ‘et cetera’ (sebagainya) dan ‘related matters’ (benda yang berkaitan dengannya). Daripada pemerhatian saya, perkataan ‘sebagainya’ dan ‘berkaitan dengannya’ adalah perkataan yang begitu vague, ambiguous, tidak ketentuan dan tidak memberi keadilan kepada pihak polis iaitu pihak yang disiasat dari pihak IPCMC. Perkataan yang sedemikian seolah-olah menjerat, menangkap kami yang disiasat ini daripada depan, belakang, kiri dan kanan. Seolah-olah tiada ruang dan peluang diberikan kepada kami untuk melepaskan atau mengelakkan daripada tindakan tersebut. Maknanya dekat sini, *everything is put under the sun*. Jadi, ini tidak adil kepada pihak iaitu pada agreed party yang disiasat oleh pihak IPCMC.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya perkataan “sebagainya” dan “berkaitan dengannya” digugurkan daripada bill ini kerana bill ini dibuat khususnya kepada pihak polis. Jadi, untuk bukannya lain-lain jabatan, *specific to pihak polis*, maka kalau digubalkan undang-undang kepada satu badan yang spesifik, maka ayat-ayat yang digunakan atau perkataan yang digunakan mestilah jelas dan terang maksudnya. Itu hujah saya yang pertama. Hujah saya yang kedua iaitu berkaitan dengan *social study*. Akta IPCMC ini telah dicadangkan sejak 2004 iaitu ini bermaksud maknanya sudah 15 tahun akta ini telah wujud di Malaysia ini. Soalan saya, adakah kajian sosial dan *morale study* telah dijalankan oleh pihak *select committee* ke atas warga PDRM dan masyarakat keseluruhannya? Apa yang tuan-tuan dan puan-puan faham bahawa PDRM ini mempunyai badan pemantau sendiri iaitu Jabatan JIPS dan Integriti Standard iaitu dalaman PDRM sendiri dan juga badan pemantau luaran seperti SUHAKAM, Biro Pengaduan Awam dan SPRM. So, begitu banyak badan-badan yang memantau pasukan polis. Jadi soalan saya, adakah

satu kajian yang khusus dan komprehensif telah dijalankan oleh *select committee* sebelum undang-undang ini hendak di-enforce kepada warga PDRM?

Ada satu artikel yang telah dituliskan Datuk Sharuddin bin Datuk Haji Ali mengenai IPCMC dalam bukunya, artikelnnya ada menyebut, “*adakah kajian moral juga telah dibuat ke atas warga PDRM?*” Seperti mana yang tuan-tuan dan puan-puan ketahui bahawa di bawah seksyen 3(3) Akta Polis, setiap anggota polis ada lima peranan yang mesti dibuat. Pertama, memelihara undang-undang dan ketenteraman awam, mengekalkan keamanan dan keselamatan awam, mencegah dan mengesan penjenayah, mendakwa pesalah dan mengumpul risikan keselamatan. Ini adalah *pillars* atau tiang kepada pasukan Polis Diraja Malaysia. Jadi, bayangkan bagaimakah kami hendak menjalankan tugas sekiranya moral dan emosi kami jatuh ketika hendak menjalankan tugas. Seterusnya, Malaysia ini adalah negara demokrasi berparlimen dan *criminal justice system* ini telah diamalkan sejak dari dahulu lagi iaitu sejak daripada wujudnya Malaysia ini. *Criminal justice system* ini telah diwujudkan. Daripada pemerhatian saya, di dalam IPCMC ini ada tiada ada *remedy* diberikan kepada *agreed party*. Jadi persoalannya, di manakah keadilan yang patut diberikan kepada orang yang disiasat ataupun dituduh dengan satu kesalahan *misconduct* ini? Jadi, inilah perkara yang saya ingin kemukakan pada pagi ini. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baik, terima kasih. Sekarang saya menjemput ACP Wan Khairuddin bin Wan Idris, OCCI Kelantan.

**ACP Wan Khairuddin bin Wan Idris [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Kelantan, Persatuan Pegawai Kanan Polis (Bahagian A) Zon Pantai Timur]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya ACP Wan Khairuddin bin Wan Idris, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Kelantan yang juga Pengerusi Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan A Kontinjen Kelantan. Saya ingin merujuk kepada fasal 24, Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis. Dalam Fasal ini ia meletakkan seseorang yang ingin membuat aduan terhadap PDRM atau pegawai polis, ia mesti secara bertulis dan dihantar kepada jawatankuasa aduan. Persoalan di sini, saya lihat fasal ini tidak mempunyai mekanisme yang jelas iaitu tidak meletakkan syarat supaya seseorang yang ingin membuat aduan mesti memberikan identiti nama atau alamat yang betul semasa membuat aduan.

#### ■1140

Ini penting kerana jika pengadu tidak memberikan identiti yang betul, ia akan menjurus kepada aduan yang berbentuk tohmahan ataupun surat-surat layang yang tidak mempunyai nama dan identiti pengadu yang betul atau dia menggunakan nama samaran atau nama palsu.

Dalam fasal ini juga tidak menyebut jika pengadu ingin membuat laporan, dia boleh pergi ke mana-mana tempat atau jabatan yang berkaitan untuk hadir. Jika dia hadir sendiri jadi identiti itu boleh diperoleh dengan betul.

Saya juga ingin merujuk kepada fasal 28(3) di mana Jawatankuasa Aduan dikehendaki memaklumkan kepada pihak pengadu hasil siasatan yang dijalankan. Jadi jika pengadu tidak mempunyai atau memberikan identiti yang betul, ini akan menjadi masalah untuk merujuk kepada fasal 28(3).

Akhir sekali, persoalan dalam perkara ini, pertanyaan, jika aduan yang dibuat dan disiasat oleh pihak Jawatankuasa Aduan, jika akhirnya didapati aduan yang dibuat ini tidak ada asas atau didapati palsu, adakah pengadu ini akan diambil tindakan di bawah mana-mana fasal dalam rang undang-undang atau undang-undang lain yang berkaitan. Ini kerana membuat aduan yang berbentuk palsu. Itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, sekarang saya menjemput penghujah terakhir bagi kumpulan pertama iaitu Superintenden Lam Thiam Huat, KJSJN.

**SUPT Lam Thiam Huat [Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Pahang, Persatuan Pegawai Kanan Polis (Bahagian A) Zon Pantai Timur]:** Selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Datuk-datuk dan Ahli-ahli Select Committee yang saya muliakan. Saya Superintenden Lam Thiam Huat, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik untuk negeri Pahang. Izin saya untuk menarik perhatian semua kepada klausa 26 Rang Undang-undang IPCMC 2019.

Yang Berhormat *Mr. Chairman*, sebanyak lima *arguments* yang ingin saya timbulkan berhubungan dengan *clause 26* ini di bawah tajuk *Power to examine persons*. Di bawah subfasal (1), *I read*, “*an officer of the Commission may, in conducting any investigation under this Act, by a written notice... to compiled extended*. Isu yang ingin saya timbulkan di sini adalah *by a written notice. What is the mechanism of such written notice?* Adakah ia perlu di bagi tahu dalam tempoh berapa hari *beforehand, by what way*, oleh siapa dan sebagainya. Itu adalah isi pertama.

Di bawah *clause* yang sama, *clause 26* juga *subparagraph 2*, “*A person to whom a written notice has been given under paragraph (1)(a) shall...*” *The term using here is ‘shall which means that without fail. So, what if the failure to attends such a core is due to other commitment of duty such as*, polis sentiasa terlibat dengan menghadiri kes-kes mahkamah, kursus, cuti dan lain-lain yang tugas yang diarahkan. *Because the term here I repeat is shall. So, we need more conclusive mechanism to be spell out tools.*

Argumen saya yang ketiga di bawah *clause 26* juga di bawah *subparagraph 2(b)*, “*During such examination, disclose all information which is within his knowledge*”. *The term here use is*

*'disclose all information'. Argument saya adalah such a disclose to what extend? What is such an information required so is classified? Because in the police we are dealing with all sort of documents and most of them are classified under various status.*

*My further argument still under the term to disclose all information. As we understood that, under section 112 CPC, CPC does provided that among other thing the right to remain silence. Now, if they are to asked to disclosed all information without failed because it 'shall'. So, my argument here is that, adakah pegawai atau anggota polis yang dipanggil untuk siasatan kemudian, mereka tidak mempunyai hak sebagai mana di bawah 112 sebagai mana siasatan yang kita buat terhadap lain-lain pesalah.*

*Finally, my fifth argument on clause 26 is subparagraph (4), "Any person who contravenes this section commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both". So my argument is here again this is an issue administrative misconduct but it has been subjected to criminal penalty.*

Yang Berhormat Mr. Chairman, Datuk, Dato' dan Ahli-ahli Select Committee yang saya muliakan, di atas adalah lima isu yang saya timbulkan berhubung dengan clause 26 Rang Undang-undang IPCMC 2019 untuk kita sama-sama perketatkan. Thank you.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, saya mengucapkan kepada kumpulan pertama yang kami telah mendengar tadi dari 11 penghujah. Sekarang saya menjemput penghujah tunggal bagi kumpulan kedua iaitu Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian B Zon Pantai Timur, Inspektor Mohd Ridzuan bin Mamat dari IPK Terengganu, silakan.

**INSP Mohd Ridzuan bin Mamat [Pengerusi Persatuan Pegawai Kanan (Bahagian B) IPK Terengganu]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan. Saya Inspektor Mohd Ridzuan bin Mamat Pengerusi Persatuan Pegawai Kanan Cawangan B Terengganu, mewakili ahli-ahli saya inspektor di Terengganu.

Isu saya berkenaan dengan fasal 34, adakah fasal 34 ini telah dibuat kajian? Fasal 34, Ugutan terhadap orang yang memberikan keterangan. Kenapa seksyen 506 Kanun Keseksaan tidak diguna pakai untuk kesalahan ini? Seksyen 506, Kanun Keseksaan telah memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya. Kenapa perlu diwujudkan fasal 34, sedangkan hukumannya adalah sama iaitu boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Saya mohon IPCMC ini ditangguhkan dan kajian diteruskan, adakah fasal 34 ini wajar dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini, sedangkan seksyen 506 Kanun Keseksaan telah

tersedia ada dan juga kajian-kajian lain yang mana telah dinyatakan oleh Dato', Datuk dan tuan-tuan barisan pembentang satu. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih kepada barisan Yang Berhormat, Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, sekarang saya menjemput penghujah daripada kumpulan ketiga iaitu Persatuan Pegawai Pangkat Rendah Polis Terengganu, S.M Mat Ali bin Mat Daling dari IPK Terengganu.

**SM Mat Ali bin Mat Daling [Persatuan Pegawai Pangkat Rendah Polis Terengganu, IPK Terengganu]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera kepada Dato', Datuk Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Pegawai-pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia hari ini.

■1150

Saya S.M Mat Ali bin Mat Daling mewakili Pegawai Rendah Polis Kontinjen Terengganu. Bagi memulakan bicara saya berkait dengan fasal 32, prosiding untuk menangani salah laku. Sebagaimana di dalam pelaksanaan IPCMC di dalam fasal ini, menyebut bahawa pihak Lembaga Tatatertib perlu turut mengambil kira hak-hak yang perlu ditanggung oleh pesalah laku dan sekiranya dilakukan mengikut sebagaimana ketetapan ini dengan secepat mungkin, ia juga perlu memberi satu penjelasan yang tetap dan dijadikan sebagai satu ketetapan dalam prosiding ini.

Jadi, menangani salah laku atas apa yang dilihat di dalam prosiding ini, tidak mempunyai satu ketetapan ataupun kenyataan yang kukuh dalam pelaksanaan prosiding tersebut. Prosiding ini akan memberi implikasi yang buruk sekiranya dilaksanakan dan di dalam penyelesaian prosiding juga akan menyebabkan satu ketetapan serta tindakan yang dilaksanakan secara tidak adil akan berlaku. Itu saja saya punya kenyataan pada pagi ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih saya ucapkan kepada kesemua tiga kumpulan tadi. Sekarang saya menjemput dua individu yang juga telah pun hadir.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya tetapi salah seorang yang akan berhujah ya. Yang Berbahagia Dato' Kamaruddin Mat Desa untuk memberikan pandangan dan hujahan. Silakan Dato'.

**Dr. Su Keong Siong:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** You can. Boleh duduk, it's okay. Ya.

**Dato' Kamaruddin Mat Desa [Pesara polis]:** Boleh sit down? *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Pengerusi Select Committee, Yang Berhormat Kampar, para hadiri yang dimuliakan, wakil-wakil persatuan PDRM, tuan-tuan dan puan-puan.

Saya, Kamaruddin Mat Desa adalah pesara polis yang telah bersara pada tahun 2007. Akan tetapi saya mempunyai *interest* dalam soal ini kerana saya bagi kawasan pantai timur ini, pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Polis Negeri Terengganu selama empat tahun dan juga saya adalah ahli kedua Persatuan Pegawai Kanan Polis Diwartakan Peringkat PDRM pada tahun 2005 iaitu ketika IPCMC ini dicetuskan, IPCMC ini hendak dimulakan, saya terlibat secara langsung. Saya pernah memberi taklimat kepada Yang Amat Berhormat Tun Abdullah Ahmad Badawi selama dua kali.

Oleh itu, apabila idea ini dikembalikan untuk diteruskan setelah berbelas tahun, saya terpanggil untuk datang pada hari ini. Terima kasihlah kerana memberi peluang untuk saya menyampaikan pandangan saya. Pada asalnya, saya ingin juga menyentuh tentang *technicalities* penubuhan IPCMC di sudut perundangan dan perlumbagaannya. Akan tetapi saya dapat ramai yang masih berkhidmat telah pun menyentuh dan ketika sarapan pun saya telah diberi penjelasan dengan jelas oleh Yang Berhormat Kampar yang tidak memihak kepada sesiapa.

Jadi, saya terpanggil hanya untuk membawa isu kemanusiaan itu. Isu orang ramai yang tidak faham *technicalities* perundangan, tidak faham *technicalities* Perlembagaan dan hak-hak asasi. Orang ramai melihat ia sebagai satu tindakan kerajaan ke atas PDRM. Orang ramai tidak arif dengan *technicalities* perundangan kerana bagi orang ramai kerajaan adalah kuasa. Semua badan penguat kuasa adalah sama bagi orang ramai. PDRM kah, *customs* kah, imigresen kah, SPRM kah dan lain-lainnya adalah turus kerajaan. Mereka melihat secara keseluruhan ini adalah alat kerajaan.

Ditambah pula kekeliruan ini apabila kerajaan membenarkan badan-badan penguat kuasa ini memakai uniform yang sama dengan PDRM. Lalu mereka melihat pakaian biru, SPRM pun biru, *customs* pun biru, *you just mimic*. Penguat kuasa Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pun biru, pangkat sama dan segala-galanya sama. Mereka membawa imej PDRM sama ada meruntuhkan nama PDRM atau menaikkan nama PDRM, mereka ini adalah juga agensi kerajaan. PDRM yang mendapat malu dan PDRM yang dituding tangan sebagai pesalah. Ini harus diperbaiki juga, persepsi ini. Persepsi salah orang ramai.

Oleh itu, teras asal penubuhan IPCMC kerana kematian di dalam tahanan. Alamat— dan alasan ini *almost* semua badan penguat kuasa mempunyai kuasa untuk menahan. Imigresen boleh tahan dalam depoh tahanan. SPRM boleh menangkap dan menahan untuk siasatan dan tuan-tuan tidak perlulah kita mengingatkan kembali dalam tahanan SPRM, ada juga tahanan yang mati, Teoh Beng Hock, walaupun secara kesudahannya *still* memberikan tanda tanya yang besar tetapi berlaku.

Akan tetapi mereka tidak akan *will be subjected to IPCMC, definitely.* Di mana keadilannya? Mengapa kita khusus kepada PDRM semata-mata? Apakah tidak ada kematian di dalam depoh tahanan imigresen? Apakah lain-lain penguat kuasa yang menangkap— ketika menangkap lagi sudah ada sudah kekerasan. Penampar, maki-hamun, ludah di muka dan semua ini berlaku. Akan tetapi tidak diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Hanya menumpukan kepada salah laku PDRM. Apakah PDRM ini anak tiri hendak dibuat sebegitu?

Jadi, *be it foul play or not*, lihatlah secara sama rata. Lihatlah dari kaca mata bahawasanya PDRM, *customs or whatever, they're tools of the* kerajaan. Mewakili kerajaan. Saya paling khuatir, *maybe I'm wrong*, saya takut idea ini, idea untuk menubuhkan IPCMC ini tercetus tahun 2005 ketika kerajaan hari ini adalah pembangkang. Ini yang saya takut. Takut motif membalaik dendam kepada PDRM ini berterusan sehingga menjadi kerajaan. Ini kerana sebelum ini, ahli-ahli pembangkang sentiasa menjadi “mangsa kepada PDRM” terutama di bawah ISA, tahanan-tahanan OPS Lalang dan sebagainya, lalu terbawa-bawa hingga menjadi kerajaan pun, turus sendiri pun hendak dimusnahkan.

*Now, you are the government. You've got to look at PDRM* ini sebagai alat untuk membantu *you* mengekalkan menjadi kerajaan PRU ke-15 ini. Bukannya menjadikan masa untuk mencari satu jalan apabila kerajaan sekarang kalah pada PRU ke-15, bolehlah meng-OKU-kan PDRM, menjadikan mereka ini orang kurang upaya. *Please, demi Malaysia, demi rakyat Malaysia, tolonglah lihat secara adil kepada undang-undang yang hendak diadakan. Jangan begini caranya.*

## ■1200

Integriti PDRM menjadi perhatian pembangkang sejak tahun 2005 dan ia telah dipadamkan tetapi kini dihidupkan kembali. Persoalannya, mengapa? Adakah kerana tidak yakin dengan tanggungjawab PDRM? Izinkan saya mengambil satu contoh yang tuan-tuan sendiri ingat. *The infamous* contoh iaitu Rahim Noor. Siapa tidak kenal Rahim Noor? Akan tetapi apabila dia melakukan kesalahan, siasatan dilakukan bukan orang lain, anak-anak buah dia inilah. Anggota polislah yang menyiasat kes 323 yang dilakukan oleh Rahim Noor dan akhirnya apa? Dia meringuk di dalam penjara selama 30 hari. Hasil daripada siasatan siapa? Siasatan PDRM. Kertas siasatan siapa yang dibawa kepada Peguam Negara untuk menentukan dia dituduh? PDRM.

*By all means*, memang ada ruang dan peluang— *I was OCCI, I was Timbalan Pengarah, I know.* Kalau kita hendak *manipulate*-kan keterangan, kita hendak *manipulate*-kan *statement* yang kita ambil untuk membuatkan Rahim Noor tidak bersalah, *there are so many other ways. We can even get somebody to stand in* kata “*saya yang pukul*”, pun boleh. *But we did not do it.*

*The PDRM never go beyond such a situation.* Mereka menyiasat sehingga *pointing finger at Rahim Noor and for your information*, Rahim Noor adalah ikon PDRM. Dialah yang mengubah PDRM ini— dari segi struktur gaji, struktur pangkat, kebijakan, rumah kediaman. Segala-galanya dia memperbaharui ketika dia mengambil alih sebagai Ketua Polis Negara. Yet, PDRM berlaku adil kepada semua manusia, semua rakyat Malaysia. Ketua yang disanjung pun mereka hantar dia ke penjara. Apakah mereka ini bukannya secara terbuka dan adil? Mengapa hendak cari satu lagi benda— beban kepada mereka? *I think this is not fair, even though I am not involved anymore.*

So, janganlah jadikan PDRM OKU. *I am an OKU, you can see that.* Saya mari dengan tongkat. You want PDRM untuk memakai tongkat, Ahli-ahli Select Committee? Having you tag along untuk mereka menjalankan tugas. Berilah kebebasan kepada mereka. Akhirnya, izinkan saya untuk mengingatkan kerajaan bahawa PDRM ini sekali lagi, *tools of the government of the day. Tools of the government of the day. Now you are the government, this is your best tool that will help you, no one else.* Mereka akan memberi taat setia kepada kerajaan, semestinya.

Lihatlah secara psikologi. Tuan-tuan, *let me remind you* 130,000 yang masih berkhidmat ini mempunyai *extended family*, ahli keluarga. Put it at a very lowest figure satu keluarga atau empat satu keluarga, *it will turn into 520,000 voters.* Sebanyak 520,000 pengundi. Kami pesara, 200,000. *Put it at three, four per family, there are 600,000 that we can influence, "maaf kali ini jangan undi lagi sudah parti itu, maaf. Dia orang nak makan orang". The same message will be passed around. You will have one million pengundi against you. Don't, psychologically don't.*

Hargailah tugas PDRM ini yang tidak memihak kepada sesiapapun kecuali memihak kepada yang benar sahaja. Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sama ada di darat, di laut dan di udara, hargailah tugas PDRM yang tidak menolak sebarang masalah di semasa aman mahupun darurat. Semula jadi; banjir, tanah runtuh, bangunan runtuh, *you just name it. Who will be the first person dekat tempat kejadian?* Anggota polis, MPV yang meronda, anggota URB dan sebagainya. *It is not* yang bencana alam punya *department* ke whatever lah *you name it. I just cannot imagine. The PDRM will be there.*

Kalau hendak diingat-ingatkan PDRM ini *involved* daripada you beranak sehingga you besar, you minta kerja, buat *vetting* ke atas you untuk menentukan you ini layak atau tidak bekerja. Berhenti, pencen, mati, tanam, semuanya PDRM terlibat *but you never realized.* Yang lainnya, *on-call.* Panggil baru mari sebab PDRM *never on-call.* Anak tidak balik sekolah— lambat, pun pergi balai, “*Cik, anak saya tidak balik-balik lagi encik dari sekolah, saya sudah pergi sekolah cari tidak jumpa*”. Pergi balai polis. Buat apa tidak pergi jumpa tok penghulu, mengapa tidak pergi jumpa imam.

So, apa lagi *you* nak PDRM berkorban untuk *you*. Zaman dahulu sebelum ada *handphone*, sebelum ada telefon hendak beritahu kematian pun datang balai, “*Boleh tak telefon dekat balai Pendang untuk beritahu bapa saudara saya di Kampung Kubang Anak Gajah yang adik dia di sini sudah meninggal.*” Polis yang pergi. *That is history unfortunately. That is why* kita tidak dapat *appreciate* PDRM ini. Akan tetapi hari ini, banyak benda lagi yang melibatkan PDRM. Suami tidak balik kerja pun cari polis. Pergilah cari pak imam, pak imam yang nikahkan *you* dahulu. So, beritahu pak imam yang menikahkan dengan suami yang dinikahkan itu tidak balik. Pergi ke balai polis.

Jadi, *it will be a never-ending situation* lah. Polis ini akan terlibat. *You like it, you do not like it. The word POLIS itu sebenarnya it stands for “Pasal Orang Lain la Susah”.* POLIS. Bukannya polis secara *policing*, tetapi ‘polis’ itu sendiri. Lihat, semua fasal orang lain, fasal dia tidak ada. Saya duduk di Terengganu, Balai Polis Kuala Jengai. Bila musim banjir akan berlaku banjir. Anggota akan pesan pada isteri dan anak-anak, “*Abang hendak kena pergi buat operasi banjir, karang kalau rumah naik air tolong cepat-cepat betulkan ini*”. Rumah sendiri tidak dijaga, pesan pada anak isteri untuk membetulkan. Beritahu pada kerajaan tentang air mudah naik di Kuala Jengai, *nothing has been done*. Balai polis *will be the first mangsa* di Kuala Jengai. So, *what else you want the policemen, this policeman* yang ada ini. Hendak terus diseksa, hendak terus dihina, tidak menghargai langsung perkhidmatan mereka. Sampai bila *that you all take them as enemy. Please don’t*.

Jadi, itulah sahaja yang dapat saya sampaikan kerana saya tidak mahu lebih daripada itu. *I tend to be very emotional because being a policeman’s son my whole life*, darah dalam badan saya ini ialah darah polis. Walaupun saya berkelulusan, tahun 1993 saya sudah dapat *degree*, LLB *but yet* ramai daripada 25 orang yang belajar dengan saya berhenti. Tinggal saya satu terkontang-kanting terus berkhidmat sehingga bersara. *The other 20 over semuanya successful, various* yang kaya raya. *But I still* tunggu dalam PDRM. Ini kerana saya sayang pasukan ini, sebab itu hari ini saya mohon izin untuk menyertai majlis ini. So, saya mohon ampun dan maaf sekiranya saya menyentuh perasaan sesiapa. Tiada niat saya untuk menyentuh sesiapapun tetapi lebih kepada untuk menyampaikan perasaan isi hati saya secara individu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah. Terima kasih kepada semua penghujah yang telah pun memberi pembentangan dan pandangan-pandangan tadi yang cukup penting. *It is very useful comments, very useful of use which we will consider and take into account. I have a few questions.* Saya ada beberapa soalan yang saya akan tanya sekarang. Selepas itu rakan-rakan saya juga

akan bertanya soalan-soalan berdasarkan apa yang telah pun kami dengar daripada tuan-tuan dan puan-puan tadi.

■1210

Pertama sekali, *I think I'll start with speaker* yang pertama tadi iaitu Dato' Allaudeen bin Abd Majid yang telah pun menimbulkan persoalan Perlembagaan. *You raised a constitutional point on the— I think*, secara ringkas Artikel 8 dan sama ada di dalam kes ini, *the service commission, if I get you correctly* lah, yang mempunyai kuasa untuk *hire* juga perlu mempunyai kuasa untuk *fire* dan IPCMC itu tidak berkuasa untuk *hire*. Maka, macam mana ia dapat *hire*? *The rule atau the principle there is that the party who hires, have a right to fire. I think* itu yang telah dibangkitkan tadi. Akan tetapi di bawah Artikel 140 iaitu...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Ya, 140.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** English, English.

**Tuan Pengerusi:** I think you can read on the screen. [Merujuk kepada slaid]

**Datuk Roosme binti Hamzah:** 140.

**Tuan Pengerusi:** Okey, di bawah 140, *there shall be a Police Force Commission. I think that is what you are referring to just now. Whose jurisdiction shall extend to— and so on, so forth.* Akan tetapi di bawah dinyatakan, *provided that Parliament may by law provide for the exercise of such disciplinary control over all or any of the members of the police force in such manner and by such authority as my be provided in that law, and in that event, if the authority is other than the commission, that means, badan yang selain daripada commission tersebut, the disciplinary control exercisable by such authority shall not be exercised by the commission. So, what that mean is, the Federal Constitution allows for the setting up of another body selain daripada commission tersebut untuk memantau disciplinary issues. So, if the Constitution allows for this, what it means is, the Constitution allows for a body like the IPCMC to be established. So, no doubt a body like the IPCMC will not have the power to hire, but it has- in light of Article 140, where I just read just now, the authority given by the Constitution for the IPCMC to exercise disciplinary control, would that not include the right to fire as well?*

*So, in other words, even if the IPCMC does not have the rights to hire, does Article 140 not empower it to fire? You understand what I mean? So, dalam erti kata lain, secara ringkasnya if the Federal Constitution allows for the incorporation ataupun sekiranya Perlembagaan Persekutuan membenarkan pertubuhan satu badan seperti IPCMC bagi tujuan mengenakan tindakan disiplin seperti yang dimaktubkan dalam Artikel 140 tadi, adakah itu boleh overcome, mengatasi masalah ketiadaan kuasa IPCMC ini untuk melantik? So, there is a matter of the*

*IPCMC does not have kuasa untuk melantik, untuk mengenakan hukuman disiplin. Apakah pandangan Dato'?*

**SAC Dato' Allaudeen bin Abd Majid:** *Thank you Yang Berhormat Chairman.* Seperti mana saya nyatakan di awal hujahan saya tadi, kita akur bahawa Perkara 140, *refer* kepada 140 Perlembagaan Persekutuan, memberikan bidang kuasa bagi Parlimen untuk mewujudkan satu pihak berkuasa lain daripada SPP untuk menjalankan tugas dan bidang kuasa tataatirib. Kita bersetuju dan akur kepada peruntukan tersebut. Kita juga akur bahawa— saya *refer* kepada 140 yang menyatakan walaupun undang-undang baru yang dibuat oleh Parlimen ini bercanggah dengan mana-mana bahagian dalam bahagian ini, ia tetap adalah sah. *Even though it contradicts any other provisions under this part. This part means, part 10 which practically refers to the civil service, perkhidmatan awam. It is still a valid law. We are totally in agreement of that. When we say it is inconsistent with any other part of this law of this part, it totally refers to one 135(2), that is hire and fire. The authority which hire, shall fire. This is a basic principal in administrative law or labor law, the parties who hires actually has the right to fire.*

*We are in agreement on that, but we today take a position beyond Article 140, bringing this argument to the core of the Federal Constitution. Federal Constitution constitutes of so many articles. I think you will agree Yang Berhormat Chairman, the members of the panel, that the most important part of the Federal Constitution is the fundamental liberty. Hence, vested in Article 5 through 13. When you have so many Service Commission and for all the other Service Commission, the right to fire, hire and fire, whereas in that particular commission and then suddenly, when it comes to the Police Force Commission, the right to hire vest with another authority and the right to fire has been vested onto another authority, like it or not, we have encroached the Article 8 on equality. If we go to Article 8, there are so many exceptions, but none of the exceptions provide for in differential treatment kepada perkhidmatan awam.*

Tidak ada satu pun peruntukan di bawah Perkara 8 yang menyatakan di kalangan perkhidmatan awam itu boleh dilayan *in a discriminatory way. There are so many exceptions under Article 8. Unless, exceptionally provided under Article 8*, satu peruntukan mengatakan pegawai-pegawai awam boleh diberi layanan yang tidak sama, *then we accept it. But however, there is nothing in Article 8 says that public officers can be discriminated or treated differently. So, we take the position, once you transfer to authority to fire, fair enough, we argue that Article 140 allows Parliament to make laws. Fair enough, we are not in dispute on that, but like it or not, indirectly we have encroached on Article 8 on equality. Now we have gone in another realm of treating members of the police who are part of civil service under Article 132, differently. Like it or not, this has a relationship dengan Perkara 5 yang menyatakan mengenai hak untuk— right to*

*life. Because I think as the members of the panel are aware, it describes that rights of life also includes rights of livelihood, this is settled law.*

*So, our argument is that the minute we transfer the rights of firing to another authority, as far as the public service is concern, that is discriminatory. It is discriminatory in nature, worst for the members of the police force. So, our position is that, but we are not disputing the rights of Parliament to make that particular law under the Article 140. We are in total agreement. Our dispute is about non-compliance to Article 8 on equality which we believe, every law or regulations made in this country mesti memenuhi Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan.*

■1220

*It is because Bahagian II Perlembagaan Persekutuan is general application. It is applying to everything and everybody. It is not disciplinary in nature, unless it is specifically provided. If it doesn't provided, it doesn't excluded, then it is must be applied on everybody in this case, the right to fire all the policeman which is now vested to a different party from the appointing party. So, our position is that Yang Berhormat Chairman.*

**Tuan Pengerusi:** So can I— Just a minute. Just finish, then you can up to that. So, you are saying that the if I am understanding correctly, you are saying that although it can be done, IPCMC can be done, it's unconstitutional for breaching the equality provision under Article 8?

